



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada artikel berjudul 'Pengunjung Tak Prihatin Kemudahan OKU' yang disiarkan melalui segmen Sentral, Berita Harian pada 12 April 2010.

PPj ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan pihak tuan melaporkan masalah ini. Dimaklumkan bahawa PPj sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai khususnya OKU. Oleh yang demikian, PPj tidak akan teragak-agak untuk mengeluarkan saman di bawah Seksyen 79(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 – Meletak Kenderaan Menyalahi Isyarat Lalulintas (Parking Khas Tempat Orang Cacat) kepada orang ramai yang meletakkan kenderaan di parkir yang dikhususkan kepada OKU.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(ZAHARAH SALAMAT)
Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 15 April 2010

Akhbar : Berita Harian
Segmen : Sentral
M/s : 6
Tarikh : 12 April 2010

Pengunjung tak prihatin kemudahan OKU

PUTRAJAYA: Berkunjung ke medan selera di sekitar Putrajaya mungkin menjadi pengalaman menyukarkan bagi golongan orang kurang upaya (OKU).

Ini kerana orang ramai di sini memberi alasan kekurangan tempat letak kereta sebagai punca mereka menggunakan tempat letak kereta yang dikhususkan untuk OKU, walaupun sebenarnya petak itu perlu dikosongkan untuk kegunaan golongan istimewa itu.

Tinjauan di Medan Selera Presint 9 di sini, mendapati segelintir pemilik kenderaan yang sempurna tubuh badan meletakkan kenderaan mereka di tempat letak kenderaan yang dikhususkan untuk golongan OKU.

Mereka tidak mengendahkan papan tanda mengenai penggunaan petak letak kereta yang khusus untuk OKU yang berkunjung ke medan selera itu.

Kakitangan kerajaan, Nurul Shahlin Md Salleh, 23, berkata kawasan medan selera di situ menjadi tumpuan orang ramai kerana ia berhampiran klinik kesihatan dan Pusat Kejurangan.

"Oleh itu, tidak mustahil berlaku masalah kekurangan tempat letak kenderaan di sini, lebih-lebih lagi ketika waktu rehat pekerja.



PENGUNA cukup aifat meletak kenderaan di tempat khas bagi OKU di Medan Selera Presint 9.

"Namun, jika orang ramai berusaha mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta seperti berkongsi kenderaan atau menggunakan perkhidmatan awam seperti bus, keadaan dihadapi sekarang hingga menimbulkan masalah di kalangan OKU tidak akan bertaku," katanya.

Bellau berkata, masalah pemilik kenderaan meletakkan kenderaan tempat khas OKU tidak seharusnya terjadi di bandar elit ini kerana ia menggambarkan pengguna lalu lintas di sini mempunyai mentaliti di tahap rendah walaupun tinggal di kawasan serba mewah. Sementara itu, kakitangan

kerajaan, Amalia Buang, 23, berkata pemilik kenderaan yang meletakkan kenderaan di tempat yang dikhususkan OKU menunjukkan mereka bersikap sambil lewa serta tidak mengambil berat masalah orang lain. "Sepatutnya pemilik kenderaan ini peka dan sensitif dengan

simbol OKU yang diletakkan di situ bagi mengelakkan terjadi masalah kepada golongan OKU.

"Pihak berwajib juga perlu mengambil tindakan tegas kepada pemilik kenderaan yang degil supaya situasi terbahit tidak berulang," katanya.

AFEND MOHAMMEDI/BERITA HARIAN